

Analisis Pengaruh Pemikiran Usul Dan Fiqh: Karya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin

Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid*, Mohd Puaad Bin Abdul Malik*

*Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur

E-mail: faisal@um.edu.my

ABSTRAK

Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin merupakan seorang tokoh ulama Melayu yang prolifik dan telah menghasilkan beberapa karya dalam pelbagai bidang seperti fiqh, falak, dakwah, pendidikan. Beliau tidak mengarang kitab khusus mengenai usul fiqh. Walau bagaimanapun, karya beliau yang bertajuk *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'ah* mengabsahkan kedudukan beliau sebagai seorang yang sangat mahir dan pakar dalam ilmu tersebut. Artikel ini akan menganalisa pengaruh pemikiran usul dan fiqh beliau dalam kitab tersebut. Pola pemikiran beliau terserlah kerana pemahaman yang mendalam serta penguasaan yang jitu terhadap ilmu usul yang merupakan perkara paling dasar dan satu-satunya kaedah untuk menerbitkan persoalan bagi hukum fiqh. Beliau mengingatkan Islam amat menggalakan berfikir kerana banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyeru ke arah menggunakan akal lebih-lebih lagi dalam soal memahami kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Kata kunci: ulama, usul al-fiqh, fiqh, karya, pemikiran

PENGENALAN

Perkembangan khazanah Hukum Islam di Alam Melayu amat memberangsangkan sejak dari penerimaan Islam oleh masyarakat Nusantara. Pemahaman tentang pemikiran hukum Islam dan corak pemikiran yang diamalkan pada sesuatu masa dan tempat amat penting untuk dikaji dan diteliti dalam usaha untuk mencari idea yang terbaik kearah pelaksanaan hukum Islam yang sempurna dan bertepatan dengan kehendak Maqasid al-Syari'ah. Hukum dan masyarakat ibarat dua keping wang yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Hukum hidup dan berkembang ditengah-tengah masyarakat dan sebaliknya perkembangan masyarakat akan membawa kepada perkembangan hukum seterusnya terbinanya sesuatu hukum.¹

¹ Mohd Muhibuddin, *Penyelesaian Perkara Ahli Waris yang Hilang: Studi Atas Penetapan Pengadilan Agama Bantul Tahun 1999-2001*, (Yogyakarta, UCY, 2003), 1.

Terdapat perubahan dan pembaharuan dalam meneliti landskap perkembangan pemikiran di Tanah Melayu. Perubahan dan pembaharuan hukum dilakukan untuk menyesuaikan hukum dengan perkembangan sosial dan kehendak masyarakat setempat, kerana pelbagai perubahan diperlukan bagi menunjukkan sifat dinamisme syariah itu sendiri berhadapan dengan keperluan masyarakat.² Pemahaman pemikiran hukum Islam oleh sarjana atau ulama Islam perlu dilihat melalui perkembangan zaman yang telah mereka dilalui. Corak pemikiran hukum yang adaptif perlu diamalkan pada sesuatu masa dan tempat amat penting untuk diketahui dan dikaji. Pola perkembangan pemikiran ulama' Melayu terdahulu perlu dilihat secara jelas untuk mendapatkan manfaat hukum dan satu penanda aras bagaimana pemikiran hukum berkembang dan berlaku pada zaman tersebut, sepanjang zaman harus ada usaha menilai semula unsur pemahaman hukum berkenaan kerana pemahaman suatu generasi tentunya tidak sama dengan generasi yang mendatang³ dengan memahami realiti masyarakat dan perubahannya adalah faktor penting dalam proses pembinaan hukum.⁴ Diantara unsur yang mempengaruhi corak pandangan mereka itu ialah kerana setiap zaman ada persoalan, kejadian dan keperluannya yang tersendiri terhadap perkembangan Hukum Islam.⁵

Al-Quran sentiasa menggesa umat Islam supaya berfikir dan meneliti tentang manusia dan alam. Gesaan seperti ini telah memperkuat lagi naluri ingin tahu dalam diri umat Islam.⁶ Cabaran yang dihadapi oleh generasi hari ini ialah memahami kaedah yang setepat-tepatnya kepada pemikiran Islam yang luhur dan aplikasi kepada realiti kehidupan moden yang serba serbi canggih itu. Maka riwayat hidup dan pemikiran tokoh-tokoh dapat membantu kearah memahami kaedah amal Islami dengan tafsiran sesuai menurut realiti semasa.⁷ Penglibatan ulama'-ulama' Melayu didalam bidang perundangan Hukum Islam khususnya bidang ilmu *usul al-fiqh* tidak banyak mendapat pendedahan dalam karya-karya ilmiah. Artikel ini akan menilai pengaruh pemikiran Sheikh Tahir Jalaluddin dalam bidang fiqh dan *usul* serta lontaran idea-idea beliau menerapkan kaedah-kaedah fiqh dan *usul* dalam penulisan karya beliau.

Kesarjanaan pemikiran *usul* dan fiqh Syeikh Tahir perlu dianalisis kerana ia merupakan intipati perkembangan fiqh. Idea dan pemikiran beliau perlu dianalisis kerana ianya warisan yang kaya dengan asas-asas perbendaharaan ilmu demi iktibar masyarakat di masa hadapan, ramai kalangan ulama dan pemikir Islam telah menjadi pencetus kelahiran karya-karya intelektual yang kreatif. Sesungguhnya rantau Nusantara mempunyai ramai ulama yang merupakan pemimpin pada zamannya, nama-nama mereka mungkin telah diperkenalkan tetapi ilmu mereka masih tersembunyi.⁸ Tempoh semenjak abad ke-16 hingga awal abad 20 banyak melahirkan asas-asas intelektualiti yang cemerlang melalui pelbagai karya yang `tahan zaman`, sayangnya karya-karya ini belum dikaji secara menyeluruh dan

² Amir Mualim, *Ijtihad dan Legilasi Muslim Kontemporer* (Yogyakarta, UII Press, 2006), ix-xiii.

³ E. Ezzati, *An Introduction to Shi'i Islamic Law And Jurisprudence* (Lahore, t.t.p, 1970), 168.

⁴ Abdul Karim Ali, *Pengambiliraan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Hukum: Konsep, Pendekatan dan Batas dalam Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun* (Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 60.

⁵ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Transformasi Fikah Semasa* (Selangor: PTS Islamika Sdn.Bhd, 2010), 6 ; lihat Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan dalam Dinamisme Pengajian Syariah*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 7-8.

⁶ Mahmood Zuhdi Ab Majid, *Tokoh-tokoh Kesarjanaan Sains Islam* (Selangor: Dawama Sdn.Bhd, cet. ke 2, 2003), 17.

⁷ Mohammad Kamil Abd Majid, *Tokoh-tokoh Pemikir Islam* (Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn.Bhd, 2010), xi.

⁸ Abdul Hayei Abdul Syukur, "Sumbangan Tok Kenali terhadap Gerakan Tajdid di Kelantan," *Jurnal al-Bayan*, vol. 1, (2003), 3.

teliti, baik di dalam lingkungan dunia Melayu itu sendiri mahupun dalam kaitannya dengan dinamika wacana intelektual.

Pelbagai karya dan kitab para pemikir dan ulama terdahulu membuktikan bahawa mereka bukan sekadar 'produk' pemikiran Islam yang berkembang di Timur Tengah. Mereka telah menjadi penggerak bukan sekadar penyalin, tetapi secara kreatif melakukan pembaharuan sehingga menjadi lebih bermakna bagi lingkungan masyarakat Muslim Nusantara. Memang masih banyak yang belum kita ketahui dan fahami tentang tradisi intelektualiti Islam di dunia Melayu. Perkembangan ilmu ini hanya dapat direalisasikan apabila kita mampu menelaah khazanah ilmu yang pernah ditulis oleh ilmuan-ilmuan,⁹ justeru itu, kajian ini diharap dapat menghargai keunggulan sentuhan kebudayaan masyarakat Melayu yang pernah melahirkan tamadun material dan intelektual yang tinggi di rantau alam Melayu suatu masa dahulu,¹⁰ agar ianya diteliti dan dianalisis supaya manfaatnya dapat dikembangkan kepada generasi yang akan datang.

SYEIKH TAHIR ULAMA MELAYU ISLAM

Syeikh Tahir merupakan ulama yang terkenal di Nusantara, banyak menghasilkan karya perundangan¹¹ dan telah memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan ilmu dalam pelbagai disiplin termasuk fiqh,¹² falak,¹³ dakwah,¹⁴ pendidikan¹⁵ serta pelopor gerakan Islah dan dianggap tokoh paling terkemuka dalam gagasan Islah Islam di Semenanjung Tanah Melayu.¹⁶ Dikenali sebagai Muhammad Tahir bin Sheikh Muhammad atau Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki (1869-1956) dilahirkan pada hari Selasa 7 November 1869 di Kota Tua Empat Angkat sebuah Daerah di Bukit Tinggi Sumatera Barat.¹⁷ Beliau adalah antara cendekiawan Islam yang berperanan besar dalam usaha membangkitkan kesedaran umat Islam bagi menerima pembaharuan¹⁸ dan membawa gagasan pemikiran Islam moden di Tanah Melayu.

⁹ Shahibudin Lamin, *Pemikiran al-Kindi Pengaruh Terhadap Intelektual Muslim di Malaysia dan Indonesia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 59.

¹⁰ Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., "Konsep Fiqh Malaysia dalam Perundangan Islam: Satu Pengenalan, *Kajian Malaysia*," vol. 28, no. 2, (2010), 17.

¹¹ Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 78.

¹² Mohamad Amin Abu Bakar, *Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1956M) terhadap Perkembangan, Fiqh di Nusantara* Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) Iv, *Ulama Pemacu Transformasi Negara*, (Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 272.

¹³ Mohammad Ilyas, *Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains*, dalam *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam* ed., Sohaimi Abdul Aziz (Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia 2003), 66.

¹⁴ Mafri Amir, "Reformasi Islam Dunia Melayu Indonesia: Studi Pemikiran, Gerakan Dan Pengaruh Syeikh Muhammad Thahir Jalal-Din" (tesis kedoktoran, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2004), 161-164.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Mohd Sarim Mustajab, *Sheikh Tahir Jalaludin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan Agama dan Perubahan Masyarakat*, dalam *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam* ed., Sohaimi Abdul Aziz (Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2003), 10.

¹⁷ Hafiz Zakariya, "Islamic Reform in Malaya: The Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin," *Intellectual Discourse*, vol. 13, no 1 (2005), 49.

¹⁸ Nik Mohd Rosdi, *Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin* dalam *Ilmuan Nusantara* (Kuala Lumpur, Percetakan Zafar Sdn Bhd, 2011), 91.

ANALISA PEMIKIRAN INTELEKTUAL ULAMA MELAYU

Pengaruh pemikiran *usul* dan fiqh Syeikh Tahir ini akan menganalisis corak pemikiran dan paradigma keilmuan yang diaplikasikan dalam penulisan karya beliau yang bertajuk *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'ah* dengan memahami proses pendekatan corak pemikiran *usul* dan fiqh beliau dalam menagani persoalan khilafiyah kerana peranan ulama' sangat penting dan menjadi medium kepada masyarakat dalam pencarian hukum dan ilmu pengetahuan. Karya ini ditulis oleh Syeikh Tahir di Mekah dan dikeluarkan di Pulau Pinang melalui Matba'ah Haji Abdullah Haji Mohammad Nordin al-Rawi tahun 1953 M,¹⁹ beliau adalah seorang penjual buku, berasal dari Sumatera dan menetap di Pulau Pinang, kerjayanya bermula sebagai penjual buku dan egen pengedaran buku pada awal tahun 1927.²⁰ Percetakan kitab ini pula dicetak oleh percetakan Zi United Press, yang menjalankan operasi percetakkanya di Pulau-Pinang.²¹ Pada dasarnya karya ini membahaskan persoalan khilafiyah ibadah yang merujuk kepada hukum berkenaan solat sunat qabliah Jumaat.

PEMIKIRAN *USUL* SYEIKH MUHAMMAD TAHIR JALALUDDIN

Syeikh Tahir seorang ulama' yang banyak membicarakan tentang ilmu *usul al-fiqh*, cuma tiada buku khusus mengenai *usul al-fiqh* yang ditulis oleh beliau. Pemikiran *usul* beliau banyak dilontarkan didalam penulisan-penulisan karya *fiqh* beliau. Fakta ini dilihat, pemikiran dan pengetahuan *usul al-fiqh* memang telah diketahui oleh Sarjana Melayu ketika itu walaupun tidak dibukukan, buktinya penulisan karya-karya fiqh melayu mustahil dapat dilakukan tanpa pengetahuan ilmu *usul al-fiqh*. Beliau merupakan ulama' yang terawal yang membicarakan dan menulis karya *khilafiyah*²² di Nusantara.²³ Terdapat lontaran idea dan pandangan serta gaya penulisan *usul al-fiqh* yang perlu dianalisis kerana ianya warisan ilmu yang kaya dengan asas pemikiran dan paradigma ilmu, kerana antara aspek-aspek yang dapat dikesan dikalangan ulama' Melayu yang telah mengemukakan kaedah *usul al-fiqh* adalah untuk menanggapi Islam sebagai *al-Din*.²⁴ Hakikatnya penulisan Syeikh Tahir dalam karya *Ta'yid Tadhkirah* mempunyai kaitan dengan manhaj atau metode yang dikenali dengan ilmu *usul al-fiqh*. Beliau telah menetapkan beberapa *usul* sebagai sandaran dalam penulisannya dalam mengeluarkan sesuatu hukum.

¹⁹ *Ibid.*, 98.

²⁰ Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 221.

²¹ Tempat dan alamat bagi percetakan Zi United Press, 29E Jalan Dato'Keramat, Pulau Pinang, terdapat kitab dan majalah lama dicetak dengan percetakan Zi United Press seperti Tuan Guru Haji Yusof Rawa Majalah al-Islah, Pulau Pinang dan Syeikh Muhammad Daud bin Sulaiman al-Kelantani *al-Luqatah al-Badi'ah al-Mukhtasarah fi manasik al-Haj wa al-'Umrah*.

²² Karya *khilafiyah* ialah suatu penulisan fiqh yang mengandungi perbezaan pendapat dan pandangan tentang sumber-sumber hukum dalam masalah-masalah tertentu. Perbezaan itu boleh sahaja terjadi disebabkan perbezaan memberi keutamaan kepada sumber-sumber hukum yang diakui atau perbezaan dalam mentafsir sumber hukum yang sama atau perbezaan memberi keutamaan dalam menggunakan dalil daripada sumber hukum yang sama, lihat Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 82.

²³ Mohamad Amin Bin Abu Bakar, "Sumbangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki Terhadap Perkembangan Fiqh dan Falak," (Tesis Phd, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 2012), 272.

²⁴ Rahimin Affandi Abd. Rahim, *Pengamalan Ilmu Usul al-Fiqh didalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisa*, dalam *Kesusasteraan dan Undang-Undang* ed. Muhammad Mokhtar Hassan (Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2003), 158 -179.

Kitab *Ta'yid Tadhkirah* dan artikel-artikel yang ditulis oleh Syeikh Tahir yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia memperlihatkan pemikiran hukum beliau cenderung kepada ilmu *usul al-fiqh*. Beliau banyak menyatakan unsur dan kaedah *usul al-fiqh* dalam perbincangan walaupun dilihat ringkas dan tidak mengikut skema ilmu *usul al-fiqh*. Namun, impak dan kesannya boleh didapati serta pengaruhnya boleh dikesan didalam kitab tersebut seperti istilah-istilah serta unsur-unsur penulisan klasik *usul al-fiqh*. Penulisan tersebut boleh diklasifikasikan sebagai satu model paradigma keilmuan yang tinggi kerana ilmu *usul al-fiqh* tidak dibicarakan secara terarah pada ketika itu. Melalui analisis terhadap kitab *Ta'yid Tadhkirah*, Syeikh Tahir begitu teliti dalam memperkatakan tentang sesuatu hukum. Setiap sandaran sesuatu hukum mesti bersandarkan kepada nas dari al-Qur'an atau al-Sunnah.²⁵ Terdapat banyak tulisan yang menyatakan bahawa sumber pemikiran Syeikh Tahir dan sahabat beliau dalam gerakan kaum muda adalah berlandaskan kepada al-Qur'an.²⁶ Menurut Syeikh Tahir sumber melalui nas al-Qur'an dan al-Sunnah mestilah diutamakan didalam menerbitkan sesuatu hukum kerana ianya adalah asas bagi menanggapi sesuatu persoalan hukum, menurut beliau:

*Sesungguhnya hendaklah kita berpegang kepada sumber yang asal (al-Qur'an dan al-Sunnah) melalui Agama yang diSyari'atkan oleh Allah melalui lisan Rasulnya, tidak ada sesuatu itu melainkan padanya ada hukum Allah yang terdiri dari shahih atau fasid atau haram atau halal atau sunnah atau bida'ah, kesemuanya ini tidak dapat dibezakan melainkan dengan Nas yang menerangkan hukum Allah.*²⁷

Kenyataan tersebut menggambarkan paradigma keilmuan yang dinyatakan oleh Syeikh Tahir dalam pemikiran hukum iaitu sumber rujukan utama berpandukan kepada nas al-Qur'an dan melalui RasulNya iaitu al-Sunnah. Didalam menentukan sesuatu hukum, Syeikh Tahir berpendapat bahawa Nas mesti didahulukan didalam persoalan fiqh menurut Syeikh Tahir :

*'Telah tetap didalam kaedah usul al-fiqh Sesungguhnya Qias dan al-Ijtihad kedua-duanya tidak sah (tidak boleh dijadikan sumber bagi sesuatu hukum) selagi mana terdapat nas didalam sesuatu permasalahan, dengan meninggalkan nas dan beramal dengan Qias'*²⁸

Menurut Syeikh Tahir :

*Sesuatu perkara yang tiada nas padanya, pada dasarnya ianya tidak di Syariatkan, apabila ianya tidak terdapat padanya kata-kata (pendapat) ulama' -ulama'.*²⁹

Teks diatas menggambarkan pola pemikiran Syeikh Tahir yang utama adalah nas iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Justifikasi keutuhan pemikiran beliau terhadap kaedah pengistinbatan hukum dengan melihat kepada turutan dalil yang mesti dipatuhi melalui nas. Apabila sabit nas batal *qiyas* kerana kata-kata seseorang tidak boleh dijadikan hujjah apabila bertentangan dengan firman Allah dan RasulNya. Ini kerana nas merupakan asas, manakala

²⁵ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 2.

²⁶ Abdullah @ Alwi Hassan, *Penyelidikan sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah dalam Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 22.

²⁷ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 40.

²⁸ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 15. أن القياس والاجتهاد لا يصحان في مقابلة النص

²⁹ *Ibid.*, 26. ان ما لم يرد فيه النص , فالاصل فيه أنه غير مشروع

qiyas merupakan cabang. Kewujudan asas membatalkan cabang dan kewujudan cabang tidak boleh membatalkan perkara asas.³⁰ Hukum tidak akan ditanggapi selagi mana terdapat nas yang menyokong sesuatu permasalahan fiqh tersebut, apabila tiada sumber yang utama maka *qiyas* dan *ijtihad* akan menjadi sandaran kedua bagi menerbitkan hukum. Tanggapan ini juga memberi gambaran bahawa beliau menyokong konsep berijtihad dengan menggunakan akal selagi mana tidak terdapat nas dalam suatu persoalan fiqh. Ianya juga menggambarkan pengaruh pemikiran *usul* beliau mengikut kepada hereiki hukum Islam yang telah disusun oleh Imam Shafi'i yang meletakkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber utama seterusnya melihat kepada penggunaan *qiyas* dan *ijtihad* sumber yang seterusnya sebagai panduan hukum terhadap sesuatu persoalan fiqh.

Syeikh Tahir juga berhujjah melalui ayat al-Quran jika terdapat persoalan didalam masyarakat melalui al-Quran dengan mendatangkan ayat: 31

قال الله تعالى في كتابه : ﴿فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾.

(Surah al-Nissa' 4 : 59)

Maksudnya: Jika kamu berselisih pandangan dalam suatu perkara maka kembalikanlah kepada Allah dan Rasul-Nya jika benar kamu beriman dengan Allah dan Hari Akhirat demikian itu adalah sebaik-baik penyelesaian.'

Didalam ayat ini Allah berfirman apabila terdapatnya perselisihan pendapat dalam kalangan kamu maka hendaklah merujuk kepada Allah dan RasulNya (al-Quran dan al-Sunnah) sebagai sumber rujukan utama bagi ummat Islam.

AL-SUNNAH SEBAGAI SUMBER PEMIKIRAN HUKUM

Al-Sunnah merupakan sumber rujukan agama selepas al-Qur'an,³² Menurut ulama *usul* pengertian al-Sunnah bermaksud memandang keperibadian Rasul sebagai *al-Musyri'* yang meletakkan dasar-dasar ijtihad bagi para mujtahid selepasnya dan menjelaskan kepada ummat Islam satu sistem undang-undang kehidupan. Mereka menilai segala kata-kata Nabi, perbuatan serta perakuannya yang berkaitan dengan penetapan hukum.³³ Dalam erti kata al-Sunnah adalah perkara-perkara yang lahir daripada Nabi SAW yang bukan al-Qur'an sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan baginda yang dijadikan dalil-dalil syarak.³⁴ Manakala ulama fiqh melihat keperibadian Rasul serta perbuatannya yang tidak tersasar dari batasan hukum syara', mereka memandangnya sebagai wajib, haram, makruh dan mandub.³⁵ Dalam memahami konsep al-Sunnah Syeikh Tahir memiliki pengamatan dalam

³⁰ Basri Ibrahim et al., *Kaedah-kaedah Penting Usul Fiqh Berdasarkan Manhaj Ahli Hadis* (Selangor: al-Hidayah Publications, 2011), 51. Zakaria bin Ghulam Qadir al-Bakistani, *Taudih Usul al-Fiqh 'Ala Manahij ahl al-Hadis* (Sa'udi: Dar Ibn al-Jauzi, 2007), 88.

³¹ al-Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari, "Risalah Penebas," 5.

³² al-Imam Muhammad bin Idris al-Shafi'i, *al-Risalah* (Beirut: Dar al-Nafais, 1999), 74-77.

³³ 'Abidin Ja'far, "Kedudukan al-Sunnah sebagai Sumber Hukum kedua setelah al-Qur'an," *Ittihad Jurnal Kopertis Wilayah Xi Kalimantan*, vol. 3, no. 3, (2005), 84.

³⁴ Muhammad al-Sharbini al-Khatib, *al-Iqna' fi Hil alfaz Abi Shuja* (Singapura: Sulayman Mar'i, t.t), 19.

³⁵ al-Siba'i, *al-Sunnah Wa Makanatuhu fi al-Tasyri' al-Islami* (Kaherah, t.t.p, 1949), 53-55.

memahaminya. Menurut Syeikh Tahir dalam memberikan gambaran pengertian al-Sunnah dengan menyatakan :

al-Sunnah itu adalah sesuatu yang thabit³⁶ (secara pasti) dengan kata Rasulullah atau perbuatannya atau taqirinya (perakuannya), jika tidak thabit (pasti) sesuatu perbuatan itu dari kata-kata Nabi atau perbuatannya tidak dinamakan Sunnah, beginilah hukum ditetapkan³⁷

Dalam mendepani persoalan fiqh, Syeikh Tahir menjadikan al-Sunnah sebagai salah satu sumber pemikiran hukum³⁸ yang menjadi rujukan bagi menanggapi permasalahan hukum. Dalam perbahasan hukum solat sunat *qabliyyah* jumaat Syeikh Tahir dengan jelas mengisyaratkan perlunya berpegang kepada kehujjahan al-Sunnah dengan menyatakan tidak terdapat sesuatu yang jelas dari perkataan Nabi SAW yang mengabsahkan solat sunat *qabliyyah* jumaat.³⁹ Menurut beliau didalam ilmu *usul al-fiqh* al-Sunnah itu adalah sebagai pentafsir atau penjelas kepada hukum-hukum yang kurang jelas terdapat didalam al-Qur'an. Menurut Syeikh Tahir :

al-Sunnah itu sebagai penghukum (Hakimah) dan bukannya yang dihukumkan padanya (mahkamah)⁴⁰

Hal ini jelas yang dimaksudkan dengan al-Sunnah sebagai penghukum, ianya berperanan sebagai penjelas atau pentafsir terhadap maksud-maksud yang terkandung didalam ayat-ayat al-Qur'an, ianya juga berperanan sebagai sumber yang memperincikan penjelasan-penjelasan yang terkandung didalam al-Qur'an serta bertindak sebagai pengukuh terhadap kebenaran ajarannya.⁴¹ Dengan kata lain kedudukan al-Sunnah adalah selepas al-Qur'an dalam sumber pengambilan hukum.⁴² Dalam mempertahankan pendapat dan pegangan, beliau berhujjah dengan mendatangkan beberapa hadis Nabi dengan menyebutkan kepentingan beramal dan berpegang kepada sunnahnya dan juga memperingatkan kepentingan al-Sunnah sebagai rujukan didalam menagani sebarang persoalan yang mendatang dalam kalangan masyarakat. Menurut Syeikh Tahir didalam mukadimah penulisan kitab *Ta'yid Tadhkirah* beliau menukilkan :

مَنْ أَحْيَا سُنَّةً مِنْ سُنَّتِي فَعَمِلَ بِهَا النَّاسُ كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا

'Sesiapa yang mengamalkan sunnahku (yang dilupakan selepas kewafatanku), dia akan diberi ganjaran yang sama dengan orang yang mengikutnya, tanpa ada berkurang sedikit pun.⁴³

Kenyataan tersebut menyatakan betapa penting al-Sunnah perlu dipedomani dan diamalkan oleh setiap umat Islam kerana ianya membawa seseorang kepada pahala yang

³⁶ Maksud thabit ialah tetap atau pasti, hendaklah makna-makna yang terkandung didalamnya telah dipastikan dengan jelas atau hampir kepada pasti, lihat Qutub Mustafa Sanu, *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh 'Arabi-Ingilizi* (Damshiq: Dar al-Fikr, 2000), 153

³⁷ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 34. ما ثبت بقول نبي (ص) بفعله أو تقريره.

³⁸ lihat Abdul Kadir Muhammad, "*Sejarah Penulisan*," 88.

³⁹ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 3.

⁴⁰ *Ibid.*, 15. كون السنة حاكمة وليست محكومة.

⁴¹ Aminudin Basir et al., "*Konsep al-Sunnah*," 1.

⁴² Sobhi Rajab Mahmassani, *Falsafah Perundangan Islam* terj. Mufliha Wijayati (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications, 2009), 132.

⁴³ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 1.

sangat besar. Berdasarkan pemerhatian, pendekatan Syeikh Tahir dalam memahami hukum lebih cenderung berpegang kepada al-sunnah sebagai sumber membina hukum islam yang kedua selepas al-Qur'an dan beliau begitu teliti dan berhati-hati dalam menilai sesuatu hadis sebelum dijadikan sebagai justifikasi hukum.

PEMIKIRAN SYEIKH TAHIR DALAM *QIYAS*

Qiyas ialah mengembalikan *furu'* (cabang) kepada *usul* dengan sebab 'illah yang sama. Mengembalikan bermaksud menyamakan keduanya yang *diiqyas* kepada yang *usul* pada hukum. Jika hukum *usul* haram maka hukum yang *diiqyaskan* juga haram seperti *diiqyaskan* beras dengan gandum di dalam hukum riba kerana 'illah (sebab) yang sama iaitu makanan.⁴⁴ Penggunaan dalil *qiyas* sebagai pemikiran hukum dapat dikesan didalam penulisan Syeikh Tahir dalam membina dan menanggapi hukum berdasarkan *qiyas*. Beliau menegaskan solat jumaat tidak boleh *diiqyaskan* dengan solat zohor bagi menthabitkan solat sunat *qabliyyah* jumaat, ini kerana terdapat perbezaan yang ketara diantara kedua-dua solat tersebut dengan menyatakan:

*Sesungguhnya perkara-perkara sunat tidak boleh dithabitkan (dipastikan) dengan Qiyas bahkan juga kesemua 'ibadat, ini kerana 'ibadat dan perkara-perkara sunat perkara yang perlu dirujuk kepada sumber yang tepat (naql shahih), yang menyatakan jenis ibadah itu, waktu dan perbezaanya.*⁴⁵

Pemikiran tentang *qiyas* ini digambarkan oleh Syeikh Tahir dengan berhujjah kepada kesepakatan pendapat daripada ulama' *usul* dan ulama' fiqh serta ulama' hadis dengan menyatakan tidak sah *qiyas* solat sunat jumaat dengan solat zohor dengan menyatakan bahawa tidak harus melakukan *qiyas* untuk menetapkan perkara-perkara sunat, menurut Syeikh Tahir :

*Tidak boleh qiyas untuk menthabitkan perkara-perkara sunat, sesiapa yang menthabitkan perkara-perkara sunat dengan qiyas kepada sembahyang sunat pada waktu zohor maka ianya adalah qiyas fasid.*⁴⁶

Hujjah pemikiran *qiyas* beliau dikuatkan dengan mendatangkan hujjah pendapat dari al-Hafiz al-Zar'i dan pendapat dalam Mazhab Shafi'i sendiri daripada Imam Abu Shamah al-Shafi'i dalam kitab *al-Ba'ith 'Ala Inkar al-Bid'ah wa al-Hawadith* dengan menyatakan bahawa perkara-perkara sunat hendaklah thabit daripada Rasulullah SAW sama ada ia berbentuk perkataan dan perbuatan atau sunnah melalui Khalifah al-Rashidin. Menurut beliau dalam membahaskan persoalan *qiyas* :

*Sesungguhnya perkara-perkara 'Ibadat akal tiada tempat yang boleh menyatakan sebab-sebabnya, tidak dapat tidak mesti mendapat petunjuk dari Rasulullah s.a.w dan tidak sah qiyas padanya*⁴⁷.

Dalam hal ini dapat diperhatikan bahawa Syeikh Tahir melihat solat Jumaat tidak boleh *diiqyaskan* dengan solat Zohor kerana terdapat perbezaan antara keduanya. Apatah

⁴⁴ Amin al-Jarumi, *Usul Fiqh Prinsip-Prinsip Perundangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, UTM, 2010) 65-76.

⁴⁵ Muhammad Tahir Jalaluddin, "Ta'yid Tadhkirah," 8. أن السنن لا تثبت بالقياس بل وسائر العبادات.

⁴⁶ *Ibid.* أنه لا يجوز القياس في اثبات السنن.

⁴⁷ *Ibid.*

lagi *qiyas* dilakukan untuk menetapkan ibadah sunat. Ini kerana perkara yang sunat perlu *thabit* daripada Rasulullah SAW dan Khalifah al-Rashidin.⁴⁸

ASAS PEMIKIRAN SYEIKH TAHIR DALAM *IJMA'*

Ijma' menurut ulama' *usul* kesepakatan para mujtahid ummat ini setelah wafatnya Nabi SAW terhadap suatu hukum syara'.⁴⁹ Menurut Syeikh Tahir pengertian *ijma'* adalah *persetujuan*.⁵⁰ Beliau berpendapat sesuatu persoalan hendaklah dirujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Sekiranya tidak didapati dalam al-Qur'an dan al-Sunnah maka dirujuk kepada apa yang dilazimi oleh perundangan Islam iaitu *Ijma' Ulama'*. Ini bermakna beliau juga menetapkan *ijma'* sebagai sumber pemikiran hukum sebagaimana Imam Ahmad dan Imam Shafi'i yang meletakkan *ijma'* sebagai sumber rujukan selepas al-Qur'an dan al-Sunnah dalam *menginstinbatkan* hukum bagi permasalahan hukum.⁵¹

Menurut Syeikh Tahir sesuatu persoalan 'ibadah kesepakatan atau *ijma'* itu adalah perkara yang utama, jika sesuatu persoalan ibadah telah dipersepakati tidak dipastikan nasnya secara khusus dari syara' maka ianya adalah bid'ah. Melalui pemerhatian, artikel-artikel yang ditulis oleh Syeikh Tahir telah meletakkan kehujjahan *ijma'* asas kepada perbincangan hukum sebagai suatu sokongan dan dokongan hukum yang harus diikuti untuk memahami hukum fiqh. Didalam kitab *Ta'yid Tadhkirah* meskipun perbahasannya ringkas, ianya dilihat sebagai pendekatan pertimbangan untuk menyokong hujah dan pendapat beliau dalam persoalan fiqh selepas tiada dalil khusus ditemui dalam al-Qur'an dan Sunnah. Menurut Syeikh Tahir dalam membahaskan persoalan solat sunat *qabliyyah* jumaat beliau menyatakan bahawa :

*Keadaan adalah memulakan sembahyang sunat selepas azan pada hari jumaat itu adalah haram sebagaimana telah diijma'kan.*⁵²

Didalam membahaskan perselisihan pendapat mengenai hadis daripada 'Abdullah bin Mughaffal dalam menetapkan solat sunat *qabliyyah* jumaat iaitu:

عن عبد الله بن مغفل قال : قال رسول الله (ص) بين كل أذانين صلاة صلاة بين كل أذانين صلاة ثم قال في الثالثة لمن شأ .⁵³

Maksudnya: 'Abdullah bin Mughaffal meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda: Di antara dua azan satu solat, di antara dua azan satu solat. Kemudian Baginda bersabda pada yang ketiga: Bagi siapa yang mahu.

Didalam kitab *Ta'yid Tadhkirah* Syeikh Tahir menolak pendapat yang mengatakan bahawa lafaz dua azan didalam hadis 'Abdullah bin Mughaffal membawa pentafsiran yang

⁴⁸ Mohamad Amin bin Abu Bakar, "Sumbangan Syeikh," 127.

⁴⁹ Muhammad Sholeh al-Utsaimin, *al-Usul Min 'Ilmi al-Usul* (Kaherah: Maktabah al-Sunnah, 1993), 88.

⁵⁰ Surat persendirian Syeikh Tahir, *Jawapan Kepada Soalan-Soalan Agama*, No Ruj: 2006/0036421, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁵¹ Irwan Mohd Subri, *Sejarah Perundangan Islam Aliran al-Hadith dan Aliran al-Ra'y dalam Fiqh* (Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006), 98. lihat Ahmad Hassan, "al-Shafi'i Role in the Development of Islamic Jurisprudence," *Islamic Studies*, vol. v, (1996), 239-273.

⁵² lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 16.

⁵³ Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naysaburi, *Sahih Muslim* (Beirut: Dar al-Ihya' al-Turas al-'Arabi, t.t), 1:573.

umum, sama ada dalil bagi *qabliyyah* jumaat atau dalil bagi solat sunat sebelum zohor. Beliau menyatakan perlu ada satu mekanisme dalil khusus menyatakan bahawa ianya terpakai bagi solat sunat *qabliyyah* jumaat. Jika terdapat dalil lain yang lebih khusus maka dalil yang khusus diutamakan, apabila tidak terdapat dalil lain yang mengkhususkan hadis tersebut bagi menyokong dan menguatkan hujjah beliau menyatakan bahawa maksud bagi dua azan didalam hadis tersebut adalah azan dan iqamah bersandarkan kepada *ijma'* dalam kalangan ulama. Dapat diperhatikan gambaran pemikiran hukum Syeikh Tahir bersandarkan kepada kehujjahn *al-ijma'*, apabila tidak terdapat suatu dalil khusus, atau nas itu dilihat dalam konteks yang umum, beliau menggunakan *ijma'* sebagai sandaran hukum bagi menyokong pendapatnya dan meyanggah hujjah yang berbeza dengan pendapatnya kerana bagi beliau *ijma'* adalah antara sumber hukum yang perlu diutamakan dalam memahami persoalan hukum. Selain menggunakan dalil daripada nas al-Qur'an dan hadith, qias serta *ijma'* dalam beberapa keadaan beliau turut menzahirkan kesarjanaan beliau dengan menyatakan beberapa kaedah *usul* yang dijadikan sebagai hujjah pemikiran hukum beliau. Dengan kata lain, manhaj yang menjadi panduan kepada pengaruh pemikiran *usul* Syeikh Tahir dalam kitab ini boleh diterjemahkan dengan melihat kepada beberapa unsur yang dinyatakan.

ELEMEN QAWAID AL-FIQHIYYAH

Antara unsur perbincangan ilmu *usul* yang dilontarkan didalam penulisannya terdapat asas elemen *Qawaid al-Fiqhiyyah*.⁵⁴ Didalam catatan pengantar Syeikh Tahir menyatakan antara objektif utama beliau menulis kitab ini adalah untuk kemaslahatan masyarakat atau kepentingan umum dan mengekang kesulitan besar (*Haraj 'Azim*) yang akan berlaku.⁵⁵ Kesulitan yang dinafikan oleh *nusus al-syari'ah* dan *fiqhiyyah* antaranya sesuatu yang membawa kepada kesulitan dan keresahan kepada masyarakat umum,⁵⁶ menurut Syeikh Tahir:

*Masalah ini (kekeliruan dan keresahan dalam isu solat sunat Qabliyyah) akan menjadikan masyarakat didalam Haraj 'Azim (kesulitan yang besar)*⁵⁷

Syeikh Tahir bimbang jika persoalan ini tidak diberi penerangan dan pentafsiran yang sewajarnya, masyarakat akan terkeliru dan membawa kepada kesulitan besar kepada masyarakat. Terdapat banyak nas-nas al-Qur'an yang menjelaskan Allah berkehendakan hambanya berada dalam kemudahan dan tidak sesekali menghendaki hambanya berada didalam kesulitan.⁵⁸ Bahkan didalam kaedah fiqh telah dinyatakan bahawa syari'at Islam menyeru kepada perkara yang mudah dan tidak menyulitkan umatnya⁵⁹ dan dijadikan rujukan oleh umat Islam bagi menyelesaikan permasalahan hukum yang muncul dalam

⁵⁴ Perbincangan kaedah boleh dilihat Jalal-Din Abd al-Rahman b. Abi Bakr al-Suyuti (*al-Asybah wa al-Naza'ir fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998).

⁵⁵ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 1.

⁵⁶ Mohamad Khairul Anwar Osman et al., *Konsep Raf'u al-Haraj Wa al-Mashaqqah dan Permasalahan al-Tasahul*, Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh Sufi 2004 (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM, 2004), 80.

⁵⁷ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 1.

⁵⁸ al-Quran, Surah al-Baqarah 2:185

⁵⁹ 'Abd al-'Aziz Mohd 'Azam, *al-Qawaid al-Fiqhiyyah* (Ain al-Shams: Maktabah al-Risalah al-Dauliyyah, 1999), 22.

masyarakat.⁶⁰ Ini dapat difahami dengan merujuk kepada petikan kata-kata Syeikh Tahir dengan menyatakan sesuatu perkara yang membawa kepada kesulitan atau kesusahan itu dinafikan oleh syari'at Islam. Menurut Syeikh Tahir:

*Perkara-perkara yang membawa kepada kesusahan atau kesulitan (Haraj al- 'Azim) itu dinafikan oleh Syariat Islam.*⁶¹

*Sesuatu perkara yang membawa kepada kesusahan (kesulitan) yang dinafikan oleh Syariat Islam secara keseluruhannya*⁶²

Dalam dua kenyataan diatas, Syeikh Tahir melihat bahawa Islam mengakui keterbatasan yang dihadapi oleh setiap Muslim untuk mengamalkan agamanya dan manusia sememangnya tidak sempurna pada keupayaannya dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Oleh itu, seorang Muslim hanya wajib untuk berusaha sebaik yang ia mampu dan tidak melampaui batas serta berlawanan dengan prinsip syari'at Islam yang mengekang segala perkara-perkara yang membawa kepada kesulitan dan kesusahan kepada ummatnya.

ASAS KAEDAH USULIYYAH

Terdapat pelbagai kaedah *usul* jika diteliti dengan mendalam akan didapati bahawa sifat Islam adalah mudah dan anjal dalam menghadapi pelbagai situasi dan realiti,⁶³ kerana kaedah *usul* ini suatu ilmu penting dalam memahami hukum syara' yang boleh dijadikan antara rujukan ketika berhadapan dengan persoalan dan permasalahan semasa yang memerlukan kepada suatu rumusan hukum tertentu.⁶⁴ Syeikh Tahir banyak merujuk kaedah *usul al-fiqh* didalam memperkukuhkan sesuatu hujjah bagi menyokong sesuatu pendapat, beliau menyerlahkan sesuatu dalil atau hujjah itu dengan menyatakan ianya telah ditetapkan didalam ilmu *usul al-fiqh* atau sesuatu kaedah itu dikutip dari kaedah *usul al-fiqh*. Beliau banyak menukulkan beberapa kaedah yang hampir sama dikutip dari kaedah *usul al-fiqh* walaupun dilihat sebagai suatu perbincangan ringkas tetapi cukup relevan mengikut konteks zamannya. Contoh lontaran idea beliau mengenai kaedah *usul* menurut Syeikh Tahir

*'Telah tetap didalam kaedah usul al-fiqh sesungguhnya qiyas dan ijthad kedua-duanya tidak sah (tidak boleh dijadikan sumber bagi sesuatu hukum) selagi mana terdapat nas didalam sesuatu permasalahan hukum'*⁶⁵

Menurut Syeikh Tahir,

Sesuatu itu kekal dalam hukum asalnya selagi tidak ada dalil, hukum sembahyang sunat qabliyyah dan ba'diyyah jumaat itu adalah bid'ah kerana tidak terdapat dalil khusus menyatakannya sebagaimana terdapat dalil-dalil didalam sembahyang sunat Rhawatib yang lain, ini adalah petunjuk yang

⁶⁰ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias, "Aspek-Aspek Pemikiran Kritis dalam al-Qawa'id al-Fiqhiyyah," *Jurnal Syariah*, j. 18, bil. 3, (2010), 528.

⁶¹ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 27.

⁶² *Ibid.*, 16.

⁶³ Contoh kaedah-kaedah berkenaan boleh dilihat dalam Mukhtar Yahya & Fatchurrahman, *Dasar-dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami* (PT Al-Ma'arif: Bandung, 1993).

⁶⁴ lihat Imam Jalaluddin Abd al-Rahman al-Suyuthi, *Kaedah-kaedah Hukum Islam Mazhab Shafi'i* terjemahan Mardhiya Mukhtar (Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd, 2004).

⁶⁵ Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 15.

nyata dan dalil yang jelas, ianya bukan mengikut kehendak (matlamat) Syara',⁶⁶

Menurut Syeikh Tahir :

Sesuatu yang tiada nas, maka pada asalnya ianya tidak di Syariatkan.⁶⁷

Jika diperhatikan, Syeikh Tahir telah menggambarkan beberapa gambaran kaedah *usul* secara umum. Kaedah yang dinyatakan oleh Syeikh Tahir adalah kaedah yang diperselisihkan dalam kalangan ulama' serta pecahan dari kaedah yang mashur iaitu *al-Asl fi al-'Ashya' al-Ibahah*. Beliau menyatakan apabila tidak terdapatnya sebarang dalil yang khusus untuk menyokong hujjah solat sunat *qabliyyah* jumaat seperti solat-solat sunat yang lain, maka hukumnya kembali kepada hukum yang asal. Hukum bagi solat sunat tersebut tidak disyari'atkan, ini adalah sebenarnya matlamat dan kehendak yang telah ditetapkan oleh syara'.

PENDEKATAN DALAM MEMAHAMI QAWL AL-SAHABI

Terdapat pemikiran beliau tentang *Qawl al-Sahabi*, *qawl al-sahabi* adalah salah satu daripada dalil-dalil yang tidak disepakati dan merupakan salah satu sumber perundangan dalam Islam. Apa yang dimaksudkan dengan *qawl al-Sahabi* adalah pendapat sahabat Rasulullah SAW tentang masalah ijihad sama ada yang diucapkan atau dilakukan oleh mereka.⁶⁸ Sebelum kewafatan Rasulullah SAW para Sahabat tidak terlalu memerlukan kepada ijihad secara bersendirian. Dalam tempoh tersebut Rasulullah SAW merupakan sumber rujukan yang utama selain daripada Kitab Allah SWT. Syeikh Tahir telah membina ruang perbahasan *qawl al-sahabi* bersandarkan kepada ilmu *usul al-fiqh*. Dalam memahami pendapat sahabat atau *qawl al-sahabi* beliau berpendapat, jika sesuatu perbuatan sahabat tidak disertai dengan dalil yang khusus terhadap sesuatu per'ibadahan maka ibadah tersebut merupakan ijihad dan pendapat dari mereka semata-mata dan tidak dijadikan hujjah syara', kerana ulama' *usul* telah bersepakat menyatakan bahawa pendapat sahabat yang dikemukakan berasaskan hasil ijihad tidak dapat dijadikan hujjah dalam menetapkan hukum syara', baik pendapat itu berupa fatwa ataupun ketetapan hukum⁶⁹ menurut Syeikh Tahir:

Bahawa telah tetap dalam ilmu usul fiqh bahawa jika perbuatan sahabat tanpa disertakan dengan dalil khusus daripada Shar'i, maka ia adalah merupakan ijihad dan pendapat Sahabat itu semata-mata. Namun begitu jika kita dapati perbuatan Sahabat melakukan sesuatu ibadah seperti solat sebelum Jumaat umpamanya dan perlakuan itu tiada dalil yang khusus yang menyokongnya, maka menurut Imam Asqalani, perbuatan Sahabat tersebut merupakan sunat mutlaq semata-mata dan bukannya sunat rawatib sebelum Jumaat. Amalan sunat mutlaq yang dilakukan oleh Sahabat merupakan merupakan sebesar-besar amalan yang menghampiri ke hadrat Allah selagi

⁶⁶ *Ibid.*, 26.

⁶⁷ *Ibid.*, 26.

⁶⁸ Abdul Halim el-Muhammady, *Sumber Undang-Undang Islam dan Pandangan Orientalis* (Selangor: Budaya Ilmu Sdn.Bhd, 1994), 37-8.

⁶⁹ Nazar Bakry, *Fiqh dan Ushul Fiqh* (Jakarta: PTRajaGrafindo Persada, 2003), 4:242.

*tiada terdapat nas yang menegahnyanya daripada mengerjakannya seperti melakukan solat pada waktu dimakruhkan.*⁷⁰

Syeikh Tahir dalam memperkukuhkan hujjah menyatakan bahawa amalan sahabat tidak dijadikan hujjah berdasarkan ijthad mereka. Beliau mengutip pendapat Imam Asqalani perbuatan sahabat didalam ‘ibadah selepas azan jumaat itu semata-mata merupakan sunat mutlaq dan bukannya sunat rawatib *qabliyyah* Jumaat. Amalan sunat mutlaq yang dilakukan oleh sahabat merupakan sebesar-besar amalan yang menghampiri ke hadrat Allah selagi tiada terdapat nas yang melarang daripada mengerjakannya.

PERKARA YANG DIDIAMKAN OLEH SYARA’

Antara elemen *Qawaid al-Fiqiyyah* yang dapat dikesan didalam penulisan Syeikh Tahir ini adalah kaedah *Maskut ‘Anhu* atau perkara yang didiamkan oleh syara’. Kaedah ini telah diperselisihkan dalam kalangan ulama’ serta ianya *furu’* dari kaedah yang mashur iaitu *al-Asl fi al-‘Ashya’ al-Ibahah*.⁷¹ Perkara yang didiamkan oleh syara’ adalah perkara yang dibahaskan didalam ilmu *usul*. Menurut ulama’ *usul* ianya bermaksud sesuatu yang berhubungkait dengan hukum yang disandarkan kepada syara’ dengan kata lain sesuatu yang didiamkan oleh syara’ itu adalah untuk mendapatkan hukum pada sesuatu masalah atau setiap hukum syara’ yang tidak dinyatakan secara jelas.⁷² Menurut Syeikh Tahir dalam menyatakan kaedah *Maskut ‘Anhu* :

*Apabila tiada ditentukan oleh Syara’ bagi sesuatu perkara hukum yang khas dengan dia pada hal ada sebabnya dan ada illah hukumnya pada masa wahyu dan kemudiannya nescaya adalah yang demikian menunjukkan bahawasanya maksud syara’ ialah mendiamkannya dengan sengaja dan bahawasanya yang demikian itu perkara yang dimaafkan tiada dituntut, maka tiada harus ditambah atas yang demikian atau dikurangkan daripadanya.*⁷³

Didalam membahaskan persoalan hukum solat sunat *qabliyyah* jumaat Syeikh Tahir berhujjah dengan mendatangkan satu kaedah dari kaedah *al-Qawa’id al-Fiqiyyah* bahawa apabila syara’ mendiamkan sesuatu nas bagi hukum yang khusus boleh difahami tujuannya dan terdapat sebab dan *illah* hukum pada zaman Nabi SAW dan selepasnya, itu adalah dalil yang menunjukkan bahawa perkara yang didiamkan oleh syara’ itu adalah secara sengaja, dan perkara (dalam keadaan sengaja) itu dimaafkan oleh syara’. Maka hendaklah diterima amalan tersebut tanpa perlu ditambah dan dikurangkan perbahasannya. Melalui analisis, Syeikh Tahir berhujjah dan berpendapat apabila solat sunat *qabliyyah* jumaat tidak dinyatakan secara khusus berbanding solat sunat yang lain, yang mana dalilnya dijelaskan secara khusus justifikasi bahawa amalan tersebut dimaafkan (*ma’fu ‘anhu*) oleh syara’ maka ibadah tersebut (solat sunat *qabliyyah* jumaat) tidak dituntut untuk dilaksanakan. Beliau berpendapat ketiadaan nas khusus sebagai satu ibadah sunat menjadikan perkara tersebut tidak disunatkan. Walaupun kesemua perbahasan kaedah-kaedah *usul* yang dinyatakan

⁷⁰ Muhammad Tahir Jalaluddin, “*Ta’yid Tadhkirah*,” 33.

⁷¹ ‘Abd al-‘Aziz Mohd ‘Azam, “*al-Qawaid*,” 22.

⁷² Musa Mustafa Musa Qadah, “*al-Maskut ‘Anhu ‘Inda al-Usuliyin*” (Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Jordan, 2005), 23-24.

⁷³ Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ini Huraian*,” 25-26, lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, “*Ta’yid Tadhkirah*,” 17.

kelihatan agak ringkas tetapi ia tetap menggambarkan pengaruh pemikiran usul al-fiqh beliau didalam hukum Islam. Kesemua perbahasan tersebut adalah lontaran idea Syeikh Tahir. Selain konsisten menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama dalam menetapkan hukum⁷⁴ beliau seterusnya meyandarkan pemikiran hukumnya kepada kaedah-kaedah *usul* untuk menerbitkan sesuatu hukum.

PEMIKIRAN FIQH SYEIKH MUHAMMAD TAHIR

Syeikh Tahir merupakan tokoh yang terawal di Nusantara yang memperkenalkan penulisan fiqh bentuk baru yang berbeza dengan corak penulisan ulama'-ulama' sebelum ini. Penulisan bentuk baru ini dikenali fiqh berbentuk *khilafiyah*. Penulisan karya *khilafiyah* yang dipelopori oleh beliau telah membuka lembaran baru kepada umat Islam dalam memahami *fiqh* dengan lebih mendalam dan dapat melonggarkan keta'ssuban kepada sesuatu mazhab. Beliau juga berjaya menyemarakkan perkembangan fiqh dan memberi kesan yang baik dari aspek perkembangan pemikiran dan perbahasan fiqh di kalangan masyarakat Islam di Tanah Melayu walaupun tidak dinafikan turut mengundang implikasi sebaliknya.⁷⁵ Pemikiran *fiqh* Syeikh Tahir didalam kitab ini membahaskan persoalan hukum solat sunat *qabliyah* jumaat berlegar sekitar perselisihan pendapat dalam kalangan ulama' mengenai kedudukan solat sunat *qabliyyah* jumaat, adakah hukumnya seperti solat zuhur atau hanya mempunyai solat selepasnya sahaja.

PERSOALAN FIQH SOLAT SUNAT QABLIYYAH JUMAAT

Dalam membahaskan persoalan fiqh solat sunat *qabliyyah* jumaat, *usul* kefahaman Syeikh Tahir terbina melalui kefahaman beliau terhadap hadis nabi yang diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada Jabir iaitu :

عَنْ جَابِرِ جَاءَ سُلَيْكُ الْعَطْفَانِي وَرَسُولُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ : فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ (ص) أَصَلَّيْتَ
رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ تَجِيءَ قَالَ : لَا قَالَ : فَصَلِّ رَكْعَتَيْنِ وَتَجَوَّزْ فِيهِمَا.⁷⁶

Maksudnya: Dari Jabir datang Sulayk al-Ghatafani dan Rasulullah s.a.w sedang berkhotbah. Maka Rasulullah bertanya, apakah engkau sudah solat dua raka'at sebelum datang? maka katanya, tidak. Rasulullah bersabda maka bersolat oleh kamu dua rakaat dan ringkaskan pada keduanya.

Melalui hadis Jabir, kefahaman Syeikh Tahir dalam persoalan solat sunat *qabliyyah* jumaat berpaksikan kepada kupasan dan tafsiran ulama' fiqh dan hadith bahawa suruhan Nabi SAW terhadap Sulayk al-Ghatafari agar melakukan solat dua raka'at itu merujuk kepada solat sunat *tahiyyat al-masjid* dan bukannya solat sunat *qabliyyah* jumaat sebagaimana yang difahami oleh sebahagian ulama', malah tidak ada ulama' yang menilai hadis tersebut sebagai dalil dalam membicarakan masalah solat sunat *qabliyyah* jumaat, menurut Syeikh Tahir:

⁷⁴ Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 233.

⁷⁵ Mohamad Amin Abu Bakar, "Sumbangan Syeikh Tahir," 277.

⁷⁶ Muhammad bin Yazid Abu Abdullah al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t), 1:353.

Maka kami berpendapat tidak terdapat seorang ilmuwan pun yang berpendapat ianya (suruhan Nabi keatas Sulayk al-Ghatfari) selain dari solat sunat *tahiyyat al-masjid*.⁷⁷

Terdapatnya kontradiksi pendapat dalam kalangan ulama' apabila memperkatakan isu solat sunat *qabliyyah* jumaat apabila sebahagiannya memahami maksud suruhan Nabi SAW itu jelas kepada solat sunat *tahiyyat al-masjid* dan sebahagiannya tidak menerimanya. Dalam memperkuatkan pendapatnya Syeikh Tahir berhujjah bahawa didalam hadis ini terdapatnya tambahan perkataan *قَبْلَ أَنْ تَجِيءَ* sedangkan apabila merujuk kepada riwayat lain yang lebih mashur seperti didalam Sahih al-Bukhari dan Sahih al-Muslim tidak terdapat perkataan tambahan tersebut, jelas ianya bertentangan dengan hadith-hadith yang dikeluarkan didalam *sahihain* yang membicarakan kepentingan solat sunat *tahiyyat al-masjid* ketika imam sedang berkhotbah. Kedua-dua persoalan tersebut membuka jalan dan ruang perselisihan besar ketika itu, antara dua pendapat yang berpegang kepada keutuhan pendapat dan dalil masing-masing. Justeru, dapat dilihat dua unsur besar pemahaman fiqh Syeikh Tahir yang terbina akibat pertikaian pendapat itu, pertama beliau memahami bahawa suruhan sebenar Nabi kepada Sulayk al-Ghatfari itu membawa maksud kepada solat sunat *tahiyyat al-masjid* bukannya solat sunat *qabliyyah* jumaat sebagaimana yang difahami oleh sebahagian yang lain, kedua dalam menilai dan memahami sesuatu hadis Syeikh Tahir lebih cermat dan teliti serta cenderung menerima pakai periwayatan yang lebih berautoriti didalam Sahih al-Bukhari dan al-Muslim berbanding riwayat yang lain yang mempunyai perkataan *قَبْلَ أَنْ تَجِيءَ* kerana periwayatan manakah yang lebih mu'tabar dan lebih diterima pakai oleh ulama-ulama hadis selain dari *Sahihain*.

PEMIKIRAN TERHADAP *ISTIDLAL* DAN *AL-ASL*

Dalam memahami perbahasan terhadap *al-asl* dan *istidlal* Syeikh Tahir banyak melihat sumber bagi persoalan solat sunat *qabliyyah* jumaat dari sumber hukum Islam secara menyeluruh. Apa yang dimaksudkan dengan sumber disini adalah dalil, tempat mengambil hukum dan kaedah menganalisis hukum fiqh,⁷⁸ kerana persoalan sumber dan kaedah untuk mendapatkan sesuatu maklumat yang betul amat dititik beratkan didalam keilmuan dan ajaran Islam.⁷⁹ Dalam memahami perbahasan bagi isu solat sunat *qabliyyah* jumaat Syeikh Tahir meletakkan dua asas utama berkaitan dalil iaitu masalah penggunaan dalil dan status dalil tersebut,⁸⁰ cara bagaimana sesuatu dalil itu diambil dan diaplikasikan didalam persoalan hukum islam dan status dalil dinilai dari sudut tingkatan keabsahan dalil, jika dalil sumbernya daripada hadis Nabi, status hadis tersebut perlu dinilai dan dianalisis sebelum dijadikan dalil. Terdapat pelbagai pendekatan fiqh Syeikh Tahir yang dapat dikesan didalam penulisan kitab *Ta'yid Tadhkirah* beliau dilihat mementingkan *al-Istidlal* atau *al-Asl*, kerana ia asas kepada pembinaan kaedah atau persoalan bagi hukum fiqh,⁸¹ contoh kefahaman fiqh beliau bersandarkan kepada *al-Istidlal* ini :

⁷⁷ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 24.

⁷⁸ Abdul Halim el-Muhammady, *Sumber Undang-Undang Islam dan Pandangan Orientalis* (Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1994), 1.

⁷⁹ Hassan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 112-114.

⁸⁰ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 3.

⁸¹ Basri Ibrahim et al., "*Kaedah-kaedah Penting*," 14.

*Maka memadailah dalil-dalil (sebagai sumber dan rujukan) sesungguhnya bahawa Nabi dan orang-orang Islam selepasnya tidak melakukannya jika ianya dilakukan, pasti terdapat sumber atau dalil yang khusus dan benar yang menyatakannya.*⁸²

Menurut Syeikh Tahir :

*Jika tidak terdapat dalil (pada sesuatu persoalan itu) dan mereka tidak mendatangkan dalil yang khusus bagi persoalan tersebut..bahkan itu menjadikan dalil yang kuat ianya bukan mengikut kehendak syara*⁸³

Melalui teks tersebut dalil mestilah didahulukan dan dirujuk sebagai satu instrumen bagi hukum islam, jika dalil tidak dirujuk sebagai piawai utama untuk mengambil hukum ianya bersalahan dengan prinsip syara', antara penekanan beliau terhadap persoalan *al-Istidlal* bertujuan untuk memberi nasihat kepada masyarakat supaya kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan menjauhi amalan-amalan yang tidak bersandarkan dan bersumberkan kepada dalil yang jelas. Apabila sesuatu dalil itu salah atau tidak tepat ia menjadikan keseluruhan perbincangan terhadap sesuatu persoalan berkaitan hukum itu tidak tepat serta salah.⁸⁴

Secara keseluruhannya pemikiran fiqh Syeikh Tahir masih terikat dengan disiplin, kaedah dan *usul* mazhab Shafi'i, namun pendapat beliau yang berbeza dalam memahami isu-isu fiqh telah mencetuskan pemikiran baru yang bertentangan arus dengan pemikiran ulama tradisional⁸⁵ dan kurang disukai serta disanggah oleh ulama-ulama tersebut. Pendekatan fiqh Syeikh Tahir yang dinamik dapat membuktikan beberapa perkara yang dapat dianalisis oleh penulis secara umum. Antaranya, hukum syarak mestilah berpaksikan dan berasaskan kepada dalil dan sumber yang paling kuat, penulisan beliau juga telah menzahirkan kematangan beliau didalam berhujjah serta menyerlahkan daya keintelektualan dan keserjanaan beliau didalam keilmuan islam. Syeikh Tahir melihat kepentingan untuk memahami sesuatu persoalan fiqh dan menyelesaikannya dengan sumber dan dalil yang tepat. Beliau dilihat banyak menganalisis dan menilai sesuatu dalil atau sumber sesuatu rujukan dengan teliti dan bersesuaian dengan realiti semasa serta konsisten dan menolak taqlid buta, Syeikh Tahir juga peka dan banyak membuat penilaian terhadap dalil-dalil yang digunakan oleh para ulama dalam menguatkan hujah mereka.⁸⁶ Beliau lebih banyak menyeru kepada usaha-usaha untuk melakukan ijtihad dari bertaqlid kepada sesuatu pendapat didalam memahami persoalan fiqh.⁸⁷ Dalam membicarakan soal bertaqlid beliau begitu menekankan perlunya peranan akal dalam kehidupan beragama dan dalam kehidupan bersosial dan bermasyarakat, kesemua ini membuktikan sikap dan sifat prihatin Syeikh Tahir Jalaluddin terhadap konsep epistemologi dalam kalangan intelektual Melayu mendapat perhatian yang amat serius dilihat dari aspek disiplin keintelektualan ulama-ulama Melayu.⁸⁸

Syeikh Tahir mencela pola berfikir umat Islam Melayu yang cenderung menyerah kepada nasib atau takdir. Pola berfikir seperti ini tidak berupaya merubah nasib seseorang. Umat Islam lebih bersikap pasif tidak ada dinamisme pemikiran dan anjakan paradigma keilmuan, dalam persoalan agama kefahaman dan ajaran Islam yang dianuti bercirikan

⁸² Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 17.

⁸³ *Ibid.*, 26.

⁸⁴ *Ibid.*, 28.

⁸⁵ Mohamad Amin Abu Bakar, "*Sumbangan Syeikh*," 277.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, "*Ta'yid Tadhkirah*," 42.

⁸⁸ Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, "*Syeikh Tahir*," 48.

taqlid, umat Islam hanya mengikut pendapat ulama' yang terdahulu dan tidak berani merubah pemikiran yang telah sedia ada.⁸⁹ Ini bertepatan dengan konsep yang didokong oleh Syeikh Tahir melalui pembaharuan pemikiran hukum bahawa Islam amat digalakkan berfikir kerana banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyeru ke arah menggunakan akal lebih-lebih lagi dalam soal memahami kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah. Penekanan kepada penggunaan paradigma rasional ini berasaskan semangat ijtihad kepada usaha mempercambahkan kreativiti umat Islam.⁹⁰

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dapat dirumuskan secara dasarnya karya penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin didalam *Ta'yid Tadhkirat Muttabi' al-Sunnat fi al-Rad ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'at* mempunyai kaitan rapat dan pengaruh yang besar dengan metode atau *manhaj* ilmu *usul* dan fiqh. Walaupun beliau tidak mengarang secara khusus didalam bidang hukum atau fatwa tetapi pemikiran *usul* dan fiqh beliau pada hakikatnya wujud dan dapat dilihat didalam penulisan karya beliau. Syeikh Tahir berpendapat bahawa setiap sesuatu yang dilakukan oleh manusia didalam kehidupan seharian hendaklah didasarkan kepada ajaran al-Qur'an, al-Sunnah dan rasional akal manusia. Namun dalam menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan fiqh Syeikh Tahir telah menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber hukum yang paling utama di samping pendapat para sahabat, tabi'in dan pendapat ulama'-ulama' yang mu'tabar. Beliau konsisten menyeru supaya umat Islam kembali berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah tetapi dalam masa yang sama tidak menolak pemodenan, sains dan teknologi, serta menerima falsafah barat dengan memperkenalkan pemikiran rasional sebagai alat memperkukuhkan kebenaran Agama Islam.

BIBLIOGRAFI

- Abd Jalil Borham (1996), *Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu*, dalam *Jurnal Syariah*, jil. 4, bil. 2.
- Abdul Halim el-Muhammady (1992), *Dakwah dan Kesannya dalam Kehidupan Masyarakat Melayu Tradisional*, dalam *Dinamika Dakwah: Suatu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Abdul Halim El-Muhammady (2001), *Adab Berijtihad dan Berikhtilaf Mengikut Syari'at*, Kajang: Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- _____ (1986), *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh: Perkembangan dan Masalah*, Kuala Lumpur: ABIM.
- _____ (1992), *Dakwah dan Kesannya dalam kehidupan Masyarakat Melayu Tradisional*, dalam *Dinamika Dakwah suatu Perspektif dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- _____ (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: ABIM.

⁸⁹ Mafri Amir, "Reformasi Islam," 39.

⁹⁰ lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., "Pemikiran Pembangunan Hukum Islam di Malaysia: Satu Analisis" (Kertas kerja, Seminar Seminar Kebangsaan Fiqh Dan Pemikiran Islam Lestari, Universiti Sains Malaysia pada 29 oktober 2008).

- Abdul Rahman Abdullah (2010), *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia*, Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdullah (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah dan Aliran*, Jakarta : Gema Insani.
- _____ (2001), *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur: Utusan Publication,
- _____ (1982), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (1992), *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia: Sejarah Dan Pemikiran: Jamaat Tabligh Dan Darul al- Arqam*, Kuala Lumpur : Penerbit Kintan.
- Abdul Kadir Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Ali (2001), *Pengambilkiraan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Hukum: Konsep, Pendekatan dan Batas dalam Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, c. 2, Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abu Bakar Hamzah (1991), *Al-Imam Its Role in Malay Society 1906-1908*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ahmad Ghorab (1995), *Subverting Islam: The Role Of Orientalist Centres*, Kuala Lumpur : Open press Publication.
- Amin al-Jarumi (2010), *Usul Fiqh Prinsip-Prinsip Perundangan Islam*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UTM.
- Amir Mualim (2006), *Ijtihad dan Legilasi Muslim Kontemporer*, Yogyakarta: UII Press.
- Andrea Ata Ujan (2009), *Membangun Hukum Membela Keadilan Filsafat Hukum*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Asep Syamsul M. Romli (2000), *Demonologi Islam: Upaya Barat Membasmi Kekuatan Islam*, Jakarta: Gema Insani Press.
- Fadhullah Jamil (2003), *Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh terhadap Sheikh Tahir Jalaludin*, (edit) dalam Sohaimi Abdul Aziz, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: USM.
- Faisal Othman (1997), *Islam dan Perkembangan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hashim Ismail (2005), *Kaum Muda dan Pemikiran Progresif di Malaysia* edit dalam Hamzah Hamdani *Islam di Malaysia dan Sastera Nusantara*, Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn Bhd
- Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Hashim Ismail (2005), *Kaum Muda dan Pemikiran Progresif di Malaysia* edit dalam Hamzah Hamdani *Islam di Malaysia dan Sastera Nusantara*, Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn. Bhd.

- Ismail Ibrahim *et al.* (1993), *Syekh Tahir Jalaluddin* dalam Ismail Mat, *Ulama' Silam dalam Kenangan*, c. 2, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Tahir Jalaluddin (1953), *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'ah*, Pulau Pinang: Zi United Press.
- _____ (1932), *Ini Huraian yang membakar Taman Persuraian Haji Bakar Pada menyatakan Hukum Dua Raka'at Qabliah al-Jumaah*, Kaherah: al-Matba'ah al-Marbawiyah.
- Mohd Jamil Mukmin (2009), *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UITM.
- Mohammad Ilyas (2003), *Syeikh Tahir Jalaludin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains*, (edit) dalam Sohaimi Abdul Aziz, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: USM.
- Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohammad Redzuan Othman (2001), *Pengaruh Timur Tengah dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu dalam Jendela Masa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Safie Abu Bakar (1994), *Keilmuan Islam Dan Tradisi Pengajian Pondok*, dalam Budi Kencana, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Sarim Mustajab (1996), *Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya dalam Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur Universiti Malaya. DS596.3 Mel
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (2010), *Transformasi Fikah Semasa*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- _____ (1997), *Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan* dalam Dinamisme Pengajian Syariah, Penerbitan al-Bayan, Kuala Lumpur.
- _____ (1997), *Hukum Islam Semasa di Malaysia: Prospek dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohammad Kamil Ab. Majid (2000), *Tajdid Perspektif Sejarah Dan Masakini*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Fauzi Hamat (2009), *Asas-Asas Utama Dalam Pemikiran Islam*, edit dalam Abdul Karim Ali, *Islam Liberal Isu dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Persatuan Ulama' Malaysia.
- _____ *et al.* (2006), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*, c. 2, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam APIUM.
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias (2010), *Aspek-Aspek Pemikiran Kritis dalam al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Jurnal Syariah, Universiti Malaya.
- Mohammad Ilyas (2003), *Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains*, (edit) dalam Sohaimi Abdul Aziz, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: USM.

- Mohd Sarim Mustajab (2003), *Sheikh Tahir Jalaludin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan Agama dan Perubahan Masyarakat*, (edit) dalam Sohaimi Abdul Aziz, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: USM.
- Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Mohd Rosdi (2011), *Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin*, dalam **Ilmuan Nusantara**, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn Bhd.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006), *Kebudayaan Melayu dan Islam Di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan*, dalam *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- _____ et al. (2005), *Pemikiran Reformasi Melayu Semasa: Satu Analisis*, dalam *Bahasa dan Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- _____ (2000), *Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah*, edit dalam Paizah Ismail et al. *Fiqh Malaysia: Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- _____ (2001), [*Gerakan Tajdid Di Malaysia: Teori Dan Realiti*](#), et al. (ed), dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- _____ (2001), *Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori Dan Realiti* (edit) dalam Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ramli Awang (2012), *Pemikiran Islam Aliran & Gagasan*, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Shafie Abu Bakar (1994), *Keilmuan Islam Dan Tradisi Pengajian Pondok*, dalam Budi Kencana, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shahibudin Lamin (2006), *Pemikiran al-Kindi Pengaruh Terhadap Intelektual Muslim di Malaysia dan Indonesia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shukri Ahmad (2011), *Pengaruh Pemikiran Ulama' di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20*, Kedah: UUM Press.
- Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari (t.t), *Risalah Penebas Bid'ah - bid'ah di Kepala Batas*, Pulau Pinang: Lembaga Persediaan Majlis Muzakarah Kampung Baharu.
- William R. Roff (1975), *Nasionalisme Melayu*, terjemahan oleh Ahmad Boestamam, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yusuf Qardhawi (2004), *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*, (terj.) Abdul Rahman Rukaini, Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.